



KOLEJ PROFESIONAL MARA

Ayer Molek
KM 16, Jalan Tiang Dua
75460 AYER MOLEK
MELAKA



Tel. : 06-2695 881 / 882

Faks : 06-2695 880

Laman Web : www.mara.gov.my

No. Ruj Kami : KPMAM. 700-7/1/4 (2)

Tarikh : 30 Disember 2021

25 Jamadilawal 1443H

Kepada
Semua Penghuni:

Kolej Kediaman Tun Ali, Tun Mutahir, Tun Perak dan Tun Teja
Kolej Profesional MARA Ayer Molek, Melaka

Saudara/saudari,

TATACARA KELUAR KE BANDAR (*OUTING*) DAN PULANG BERMALAM DALAM KALANGAN PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN TUN ALI, TUN MUTAHIR, TUN PERAK DAN TUN TEJA, KOLEJ PROFESIONAL MARA AYER MOLEK, MELAKA

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Berkuatkuasa serta-merta, semua pelajar dibenarkan keluar ke bandar (*outing*) dan pulang bermalam termasuk berjumpa dengan ahli keluarga dengan mematuhi ketetapan sebagaimana Lampiran.

3. Sehubungan itu, Notis Penangguhan Kebenaran Pergerakan Penghuni Kolej Kediaman Tun Ali, Tun Mutahir, Tun Perak dan Tun Teja, KPMAM Keluar ke Bandar (*Outing*) dan Pulang Bermalam - rujuk surat: KPMAM.700-7/1/4(1), bertarikh 11 November 2021 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,

SAMSIAH BINTI KANDAR

Pengarah

Kolej Profesional MARA Ayer Molek

Melaka

**TATACARA BERKAITAN URUSAN
KELUAR KE BANDAR (*OUTING*) DAN PULANG BERMALAM
PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN TUN PERAK, TUN MUTAHIR, TUN ALI DAN TUN TEJA
KOLEJ PROFESIONAL MARA AYER MOLEK, MELAKA**

1. Ahli keluarga **dibenarkan** untuk hadir berjumpa pelajar mulai pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang di lokasi berikut:
 - (a) Bahagian **hadapan pondok pengawal** pada hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat.
 - (b) Petak **meletak kenderaan** sepanjang blok Pentadbiran dan blok Akademik pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Kelepasan Am Negeri/Persekutuan.
2. Semua pelajar dibenarkan **keluar ke bandar (*outing*)** selepas pukul 7.00 pagi pada hari Sabtu, Ahad dan cuti Kelepasan Am Negeri/Persekutuan.
3. Semua pelajar dibenarkan **pulang bermalam** sempena cuti hujung minggu (Sabtu dan Ahad) atau cuti hari Kelepasan Am Negeri/Persekutuan:
 - (a) Selepas pukul **3.00 petang** sempena cuti hujung minggu.
 - (b) Selepas pukul **7.00 malam** sempena cuti hari Kelepasan Am Negeri/Persekutuan.
4. Semua pelajar **diwajibkan** pulang bermalam sempena cuti semester.
5. Masa pelajar dikehendaki **kembali semula** ke kolej:
 - (a) Pada hari Sabtu, Ahad dan cuti Kelepasan Am Negeri/Persekutuan -

Semester	Masa	
	Bermula	Berakhir
1 dan 2	3.00 petang	4.00 petang
3 dan 4	4.00 petang	5.00 petang
5 hingga akhir	5.00 petang	6.00 petang

- (b) Selepas cuti semester - berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Bahagian Pendidikan Tinggi MARA dan akan dimuatnaik dalam laman web rasmi kolej - <https://ayermolek.kpm.edu.my>
6. Setiap pelajar **pada sepanjang masa** hendaklah mematuhi segala peraturan dan ketetapan (*Standard Operation Procedure - SOP*) yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalam usaha mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19.

7. Urusan pelajar berjumpa ahli keluarga, pergerakan pelajar keluar ke bandar (*outing*) atau pulang bermalam adalah **ditangguhkan** sekiranya ia melibatkan ahli keluarga pelajar yang merupakan pesakit COVID-19, kontak rapat kepada mana-mana individu yang disahkan positif COVID-19, *Person Under Surveillance* (PUS), atau *Person Under Investigation* (PUI).
8. Pelajar dikehendaki **mengimbas** kad dokumen pengenalan pelajar (*student's ID card*) pada **peranti** pengimbas ID (*ID scanner device*) yang disediakan di pondok pengawal sewaktu hendak keluar ke bandar (*outing*), pulang bermalam dan sewaktu hadir semula ke kolej sebagai rekod keluar/masuk.
9. Pelajar yang akan keluar ke bandar (*outing*) atau pulang bermalam selain daripada masa/hari yang ditetapkan di atas hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan dengan **menulis surat rasmi** dan **diemelkan** kepada Pengarah/Timbangan Pengarah (Hal Ehwal Akademik)/Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Pelajar) bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.
10. Sekiranya pelajar mengalami **sebarang gejala** dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh pelajar hadir semula ke kolej selepas pulang bermalam:
 - (a) Pelajar dikehendaki **segera** memaklumkan kepada pihak felo bertugas.
 - (b) Pelajar akan dikehendaki **menjalani ujian saringan COVID-19 (RTK-Antigen)** menggunakan kit yang akan dibekalkan oleh pihak kolej.
 - (c) Pelajar akan ditempatkan di **bilik isolasi** yang ditetapkan bagi suatu jangka masa yang akan ditentukan oleh pihak pengurusan kolej.
 - (d) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Melaka Tengah **akan dihubungi** untuk menentukan tindakan selanjutnya sekiranya ujian saringan COVID-19 (*RTK-Antigen*) yang dijalankan adalah **positif**.

Dikemaskini : **30 Disember 2021**